

16 MAR 2003

SUKAN: SAUBER PETRONAS LAWAT GURUN DAN SUNGAI PETANI

GURUN, 16 Mac (Bernama) -- Petronas Motorsport meneruskan program promosi Grand Prix Formula 1 Malaysia dengan pelumba Sauber Petronas mengadakan lawatan ke loji pengeluaran baja milik Pertonas Fertilizer Kedah di sini, hari ini.

Lawatan disertai pemandu Sauber Petronas Nick Heidfeld dan Heinz Harald Frentzen serta ketua pasukan tersebut Peter Sauber.

Pasukan berkenaan yang dalam rangka lawatan program berkenaan selama tiga hari di negeri ini bermula semalam, dibawa melihat sekitar loji berkenaan.

Kedua-dua pelumba itu turut diminta menunjukkan kehebatan memandu, tetapi kali ini memandu forklift, dengan mengangkut baja yang telah siap dibungkus di loji pembungkusan kilang berkenaan.

Pasukan tersebut kemudiannya dibawa melawat Kampung Sungai Layar Hujung, Sungai Petani untuk program kemasyarakatan.

Di kampung berkenaan kedua pemandu mempamerkan kebolehan memandu traktor di sawah padi dan bermain layang-layang. Acara tersebut juga dihadiri Anggota Dewan Undangan Negeri Tanjung Dawai, yang juga Exco Kerajaan Negeri, Rosnah Majid.

Esok, pasukan itu dijadual membuat lawatan ke beberapa tempat antaranya rumah kelahiran Dr Mahathir dan Muzium Negeri.

-- BERNAMA

FIZ MZM ZB